

'Kebebasan beragama dalam Perlembagaan bukan mutlak'

PROFESOR Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal memaklumkan, kebebasan beragama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah perkara mutlak.

Katanya, jika ia melibatkan soal keselamatan, moral masyarakat dan ketenteraman awam ia tidak boleh diamalkan.

"Dalam Perlembagaan Persekutuan memang ada Perkara 11 yang menyebut bahawa kita ada kebebasan beragama dan Perkara 3 iaitu Islam agama Persekutuan. Tapi dari sudut Perlembagaan itu, perkataan Islam tidak ditakrifkan. Dalam Perlembagaan negeri dan dalam enakmen negeri Kelantan, Kedah dan Perlis disebut agama Islam itu ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di Johor disebut agama Islam sahaja. Di Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu disebut agama Islam yang dianuti dan diamalkan hingga sekarang. Maknanya apa yang telah kita pelajari dan pegang, itulah pegangan negeri-negeri tersebut. Perak satu-satunya negeri yang menyebut Mazhab Syafie.

Kita dapati daripada peruntukan undang-undang yang kita ada dalam enakmen-enakmen undang-undang keluarga Islam, jenayah syariah dan sebagainya mereka menyebutkan juga bahawa kita hendaklah berpegang kepada hukum

syarak. Contoh nak mohon fasakh akan ada peruntukan dan di hujungnya akan diberi satu peruntukan 'dan mana-mana alasan yang dibenarkan hukum syarak'. Hukum syarak dalam enakmen-enakmen itu biasanya dijelaskan dalam interpretasinya hukum syarak ialah hukum empat mazhab.

Ada negeri yang memberi keutamaan kepada Mazhab Syafie dahulu dan kemudiannya jika ada sebarang konflik yang akan menyebabkan keputusan itu menjadi pertikaian maka boleh merujuk kepada empat mazhab lain. Tapi dari segi kebebasan beragama yang kita sebut dalam Perkara 11, kita kena ingat dalam Perlembagaan hanya disebut Islam sebagai agama Persekutuan tidak disebut Islam yang lain-lain mazhabnya, itu ada dalam enakmen. Tapi kita juga dijanjikan orang lain bebas mengamalkan dan menganuti agama masing-masing.

Jadi perkataan bebas mengamalkan dan menganuti agama ini merujuk kepada agama lain tapi kita ada dalam Perkara 11(4) yang mengatakan bahawa orang bukan Islam dan orang yang bukan mengamalkan Ahli Sunnah Wal Jamaah

tidak dibenarkan menyebarkan agama dan kefahamannya kepada orang Islam.

Sembilan negeri sudah pun membuat peruntukan untuk menghalang atau mengawal penyebaran agama lain kepada orang Islam iaitu Terengganu, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor, Melaka, Pahang, Johor dan Kedah. Ada negeri yang tidak ada peruntukan tersebut kerana tidak dibuat jadi ia perlu dibuat untuk mengawal kerana perkara itu punca kuasanya.

Timbul kekeliruan

Kalau dilihat dari segi penyebaran yang bercanggah dengan akidah, kadang-kadang ada sesuatu yang kita jadi keliru kerana ada perbalahan, khilaf atau perbezaan pandangan dalam kalangan umat Islam dan agamawan di Malaysia mengenai sesuatu takrifan. Itu yang akan menyebabkan masyarakat juga menjadi keliru. Tetapi kita mesti jelas, yang mana ajaran sesat mana yang bukan tapi sebenarnya khilaf.

Undang-undang kita lengkap dengan peruntukan bagi menjalankan pendakwaan terhadap ajaran sesat tapi pendakwaan kita tak berapa banyak dilaku-

kan. Mungkin kerana isu pembuktian. Kalau dari segi pendakwaan bahawa ia ajaran melencong daripada akidah Islam itu yang kita rasakan bahawa banyak pendakwa syarie di negeri-negeri agak tidak terkehadapan dalam pendakwaan. Pendakwaan perlukan penelitian yang mendalam sama ada amalan itu benar-benar bercanggah dari segi hukum Islam.

Isu mengenai amalan syiah di mana ada negeri yang telah mengeluarkan fatwa syiah sebagai ajaran terpesong daripada Islam. Kita tahu orang itu menganut ajaran syiah tapi tiada tindakan diambil. Kalau kita lihat fatwa itu, tak kira kalau dia mengamalkan dan menganut agama itu sendirian tanpa pergi berdakwah kepada orang lain pun, itu satu kesalahan di bawah enakmen tapi tidak ada pendakwaan yang dibuat buat masa ini. Kita dengar ada serbuan dibuat tetapi tiada pendakwaan. Apabila dibuat tangkapan dan mendakwa, pihak-pihak ini pergi ke mahkamah dan mengatakan bahawa ini adalah hak asasi mereka.

Dari segi kebebasan beragama dalam Perlembagaan kita kena ingat bahawa hak kebebasan beragama itu bukanlah mutlak. Jadi kebebasan beragama juga kalau ia melibatkan keselamatan, ia tidak boleh diamalkan kerana ada ada kaitan dengan isu keselamatan, moral masyarakat dan ketenteraman awam," katanya.

